

PAS: Hukum pemilik senjata api cuai
Malaysian Insider
July 31 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

PAS hari ini mempersoalkan kejadian jenayah semakin berleluasa membabitkan penggunaan senjata api di Malaysia dengan mencadangkan hukuman maksima ke atas pemilik lesen senjata api yang cuai membiarkan senjata api digunakan pihak tidak bertanggungjawab.

Ketua Penerangan PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man (gambar) menyarankan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam bagi mengetatkan pemeriksaan di semua pintu masuk ke negara bagi mengelak senjata diseludup masuk.

Beliau turut meminta PDRM memastikan penguatkuasaan menyeluruh Akta Senjata 1960 untuk memulihkan kewibawaan polis di mata rakyat supaya kes tembakan seperti Pengerusi MyWatch, R Sri Sanjeevan dan Pengasas AmBank Hussain Ahmad Najadi menjadi kes terakhir di Malaysia.

"PDRM harus mengkaji semula aktiviti pemilik lesen senjata api dalam negara supaya mereka tidak menyalahgunakan senjata berkenaan.

"Polis perlu berusaha mengetahui punca bagaimana senjata api boleh jatuh ke tangan penjenayah kerana kawalan lesen pemilikan senjata adalah 100 peratus di bawah kuasa mereka," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

"Kami berharap PDRM dapat memberikan penjelasan jumlah lesen senjata api yang dikeluarkan setakat ini. Butiran setiap lesen senjata atau permit senjata yang diberi atau diperbaharui hendaklah dicatat dalam sebuah daftar yang disimpan oleh ketua pegawai polis negeri seperti ditetapkan dalam Akta Senjata 1960," katanya.

Katanya, bagi mengenalpasti punca sebenar senjata api jatuh ke tangan pihak tidak bertanggungjawab adalah penting bagi PDRM menyelesaikan kemelut yang meletakkan rakyat Malaysia dalam kebimbangan teramat sangat.

The Malaysian Insider melaporkan pada Sabtu, Sanjeevan ditembak di Bahau, Negeri Sembilan oleh dua lelaki India ketika sedang memandu kereta jenis BMW berwarna kelabu.

Hussain pula ditembak mati pada Isnin di kawasan letak kereta di Lorong Ceylon, Kuala Lumpur sementara isterinya cedera terkena tembakan.

Hari ini, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar menafikan laporan portal Free Malaysia Today (FMT) memetik dirinya berkata suspek yang terbabit dalam kes cubaan bunuh Sanjeevan adalah rakannya sendiri.

Khalid memberi jaminan polis akan mempertingkatkan penguatkuasaan keselamatan bagi mengatasi jenayah berat yang berleluasa melibatkan pembunuhan menggunakan senjata api dan berharap langkah berkenaan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap keselamatan dan keamanan di negara ini. – 31 Julai, 2013.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-hukum-pemilik-senjata-api-cuai>